



KERAJAAN MALAYSIA



LPKP

**PEKELILING
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN
BIL. 10 TAHUN 2010**

**GARIS PANDUAN PENYEDIAAN BAS EKSPRES TAMBAHAN
PADA MUSIM PERAYAAN AIDILFITRI 2010**

**LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN
SEMENANJUNG MALAYSIA**

TARIKH: 4 OGOS 2010

Semua Pengusaha Bas Semenanjung Malaysia

GARIS PANDUAN PENYEDIAAN BAS EKSPRES TAMBAHAN PADA MUSIM PERAYAAN AIDILFITRI 2010

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan garis panduan bagi penyediaan bas ekspres tambahan sempena perayaan Aidilfitri 2010.

LATAR BELAKANG

2. Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) akan mengeluarkan Lesen Perubahan Sementara (LPS) dan Lesen Jangka Pendek (LJP) bagi penggunaan bas ekspres tambahan untuk keperluan orang ramai pada musim perayaan Aidilfitri 2010. Syarikat bas ekspres hendaklah memohon LPS untuk menggunakan **bas ekspres, bas sekolah, bas pekerja, bas catar dan bas berhenti-henti** sebagai bas tambahan manakala LJP untuk penggunaan **bas persiaran**.
3. **Permohonan LPS/LJP** untuk musim perayaan **dibuka mulai 9 Ogos 2010 hingga 27 Ogos 2010**.
4. **Tempoh LPS/LJP** ialah 7 hari sebelum dan 8 hari selepas hari perayaan iaitu **mulai 3 September 2010 hingga 19 September 2010**. (Hari Raya Aidilfitri adalah pada 10-11 September 2010).
5. LPKP membenarkan bas ekspres dan bas ekspres tambahan beroperasi berdasarkan **Laluan Terbuka**.

GARIS PANDUAN PERMOHONAN

6. Garis panduan permohonan LPS/LJP adalah seperti berikut:
- (i) **Permohonan LPS/LJP hendaklah dibuat oleh syarikat bas ekspres** yang juga bertanggungjawab dalam penjualan tiket-tiket bas tambahan di kaunter tiket;
 - (ii) Setiap **borang permohonan hendaklah ditaip** dengan kemas. Borang tulisan tangan akan ditolak (salinan Borang Permohonan LPS/LPJ seperti di Lampiran dan boleh dimuat turun di www.lpkp.gov.my);
 - (iii) **Permohonan hendaklah dikemukakan ke Pejabat LPKP sahaja.** (JPJ tidak dibenarkan untuk memproses permohonan LPS/LPJ pada musim perayaan);
 - (iv) **Kadar bayaran** bagi setiap permohonan LPS/LJP ialah sebanyak **RM20.00**;
 - (v) **Menyertakan contoh tiket bas ekspres** bersama-sama borang permohonan; dan
 - (vi) **Warna borang permohonan** seperti berikut:

Bil.	Jenis Borang	Warna
1.	Borang LPS Musim Perayaan	Hijau
2.	Borang LJP Musim Perayaan	Kuning
3.	Borang LPS Sewa Khas Musim Perayaan	Biru

SYARAT BAS EKSPRES TAMBAHAN

7. Syarikat bas ekspres yang mengendalikan bas ekspres tambahan hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:

- (i) Bagi **bas yang berusia 12 hingga 15 tahun dibenarkan perjalanan tidak melebihi 300 km sehala**. Bagi bas yang berusia tidak **melebihi 12 tahun tiada jarak perjalanan ditetapkan**;
- (ii) **Mempunyai cukai jalan dan perlindungan insuran** mengikut Bahagian IV 90 dan 91 Akta Pengangkutan Jalan 1987;
- (iii) Bas ekspres tambahan hendaklah **mengambil penumpang di terminal bas ekspres atau di kawasan operasi bas ekspres** yang dibenarkan;
- (iv) **Pemandu kedua dan Buku Log mesti disediakan** bagi perjalanan melebihi 300 KM sehala atau pemanduan berterusan selama 4 jam;
- (v) **Mengenakan kadar tambang bas ekspres yang sedang berkuat kuasa dengan caj tambahan (caj raya) sebanyak 10% daripada harga tiket**. Bas-bas ekspres yang digunakan sebagai bas tambahan juga dibenarkan mengenakan caj tambahan tersebut;

- (vi) **Mempamerkan** pengenalan bas ekspres tambahan seperti **nombor trip, destinasi dan nama syarikat bas ekspres** pada cermin hadapan bas;
- (vii) **Mempamerkan kelulusan LPS/LJP di dalam bas** bagi tujuan pemeriksaan;
- (viii) Menyatakan maklumat berikut pada tiket bas tambahan:
 - (a) **Bas Ekspres Tambahan;**
 - (b) **Kadar caj tambahan 10%;**
 - (c) **Nama terminal bas; dan**
 - (d) **Nombor trip.**

TERMINAL-TERMINAL BAS PADA MUSIM PERAYAAN

8. Terminal bas ekspres dan bas tambahan bagi musim perayaan Aidilfitri 2010 adalah seperti berikut:

- (i) **Hentian Putra dan Pekeliling** bagi perjalanan ke **Timur**;
- (ii) **Hentian Duta** bagi perjalanan ke **Utara**;
- (iii) **Terminal Sementara Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil** bagi perjalanan ke **Selatan, Utara dan Timur** (untuk bas yang dipindahkan dari Hentian Puduraya);

- (iv) **Terminal Bas Jalan Hang Tuah** untuk **bas ekspres jarak dekat** (Kuala Lumpur – Seremban dan Kuala Lumpur - Tanjung Malim); dan
- (v) Lain-lain terminal seperti ditetapkan oleh JPJ.

PERINGATAN


9. Berdasarkan Seksyen 19(1)(e)(iii), semua **syarikat bas ekspres** diarahkan supaya **menjual tiket bas di kaunter tiket masing-masing**. Arahan ini bertujuan untuk melindungi pengguna serta mengekang kegiatan ulat tiket. **Tindakan tegas termasuk menggantung dan membatalkan lesen akan diambil** terhadap mana-mana syarikat yang gagal memamatuhi arahan ini.

TARIKH KUAT KUASA

10. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh dikeluarkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”



(DATIN NAIMAH BT. RAMLI)

Pengarah

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan
Semenanjung Malaysia.

4 OGOS 2010



KERAJAAN MALAYSIA

LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (LPKP)
ARAS 4, BLOK PODIUM, NO.18, PERSIARAN PERDANA, PUTRAJAYA.



LPKP

(LESEN JANGKA PENDEK – LJP)
PERMOHONAN PERTUKARAN SEMENTARA KELAS LESEN
MUSIM PERAYAAN HARI RAYA ADILFITRI
(3 SEPTEMBER 2010 HINGGA 19 SEPTEMBER 2010)

Nama dan :	Nama Pemandu Pertama :
Alamat Syarikat :	No. Lesen PSV :
Bas Ekspres :	Tempoh Lesen PSV :
.....	
Nama/Alamat :	
Syarikat Bas :	Nama Pemandu Kedua :
Persiaran :	No. Lesen PSV :
.....	Tempoh Lesen PSV :
.....	
Nama Pemohon :	
No. Tel :	

- (1) Tujuan : **BAS EKSPRES TAMBAHAN MUSIM PERAYAAN**
- (2) Laluan : **LALUAN TERBUKA**
- (3) Tarikh Perjalanan : **3 SEPTEMBER 2010 HINGGA 19 SEPTEMBER 2010**
- (4) No. Bas : Usia Bas :
- (5) Kelas Lesen : **BAS PERSIARAN** No. Rujukan Lesen :
- (6) Tarikh Akhir PUSPAKOM : Tarikh Akhir Insuran :
- (7) Terminal Bas Ekspres :

Tarikh:..... (Tandatangan Pemohon)

Syarat :

- (a) Disertakan salinan **Contoh Tiket Bas, Lesen Bas, PUSPAKOM, Insuran, Geran dan Lesen PSV Pemandu Pertama dan Kedua, jika berkaitan.**
- (b) Dibenarkan mengenakan kadar tambang bas ekspres yang sedang berkuat kuasa dengan **caj tambahan sebanyak 10% daripada harga tiket.**
- (c) Menyatakan maklumat berikut pada tiket bas tambahan: '**Bas Ekspres Tambahan**' / **Kadar caj tambahan 10%** / **Nama terminal bas dan Nombor trip.**
- (d) Mempunyai cukai jalan dan perlindungan insuran mengikut Bahagian IV 90 dan 91 Akta Pengangkutan Jalan 1987.
- (e) Dibenarkan mengambil penumpang di **Terminal Bas Ekspres** atau di **kawasan operasi Bas Ekspres.**
- (f) Jika memandu melebihi 300 km sehala atau 4 jam berterusan, diwajibkan ada pemandu kedua dan Buku Log.
- (g) Tiket bas hendaklah dijual di kaunter tiket masing-masing atau melalui laman web masing-masing untuk e-tiket.
- (h) Pengenalan bas ekspres tambahan (**no. trip, destinasi dan nama syarikat bas ekspres** dipamerkan pada cermin hadapan bas).
- (i) Mendapat kelulusan pengecualian Pemandu Pelancong daripada Kementerian Pelancongan Malaysia.
- (j) Kelulusan ini hendaklah dipamerkan di dalam bas bagi tujuan pemeriksaan.

(UNTUK KEGUNAAN PEJABAT LPKP)

Tarikh permohonan diterima :

Keputusan permohonan :

Tarikh :

.....
b.p. Pengarah
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan



KERAJAAN MALAYSIA

LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (LPKP)
ARAS 4, BLOK PODIUM, NO.18, PERSIARAN PERDANA, PUTRAJAYA.

(LESEN PERUBAHAN SEMENTARA – LPS)
PERMOHONAN PERTUKARAN SEMENTARA KELAS LESEN
MUSIM PERAYAAN HARI RAYA ADILFITRI
(3 SEPTEMBER 2010 HINGGA 19 SEPTEMBER 2010)

LPKP.L.700-1/1/4 ()



LPKP

Nama dan Alamat Syarikat Bas Ekspres	Nama Pemandu Pertama : No. Lesen PSV : Tempoh Lesen PSV :
Nama dan Alamat Syarikat Bas Tambahan	Nama Pemandu Kedua : No. Lesen PSV : Tempoh Lesen PSV :
Nama Pemohon No. Tel	

- (1) Tujuan : **BAS EKPRES TAMBAHAN MUSIM PERAYAAN**
- (2) (i) Laluan : **LALUAN TERBUKA**
 (ii) Jarak KM Pergi/Balik :
- (3) Tarikh Perjalanan : **3 SEPTEMBER 2010 HINGGA 19 SEPTEMBER 2010**
- (4) No. Bas : Usia Bas :
- (5) Kelas Lesen : No. Rujukan Lesen :
- (6) Tarikh Akhir PUSPAKOM : Tarikh Akhir Insuran.....
- (7) Terminal Bas Ekspres :

Tarikh:..... (Tandatangan Pemohon)

Syarat :

- Disertakan salinan **Contoh Tiket Bas, Lesen Bas, PUSPAKOM, Insuran, Geran dan Lesen PSV Pemandu Pertama dan Kedua, jika berkaitan.**
- Dibenarkan mengenakan kadar tambang bas ekspres yang sedang berkuat kuasa dengan **caj tambahan sebanyak 10% daripada harga tiket.**
- Menyatakan maklumat berikut pada tiket bas tambahan: **'Bas Ekspres Tambahan' / Kadar caj tambahan 10% / Nama terminal bas dan Nombor trip.**
- Bagi bas yang berusia tidak melebihi 12 tahun tiada jarak perjalanan ditetapkan. Bagi bas yang berusia 12 hingga 15 tahun hanya dibenarkan perjalanan tidak melebihi 300 km sehala.
- Mempunyai cukai jalan dan perlindungan insuran mengikut Bahagian IV 90 dan 91 Akta Pengangkutan Jalan 1987.
- Dibenarkan mengambil penumpang di **Terminal Bas Ekspres** atau di **kawasan operasi Bas Ekspres.**
- Jika memandu melebihi 300 km sehala atau 4 jam berterusan, diwajibkan ada pemandu kedua dan Buku Log.
- Tiket bas hendaklah dijual di kaunter tiket masing-masing atau melalui laman web masing-masing untuk e-tiket.
- Pengenalan bas ekspres tambahan (**no. trip, destinasi dan nama syarikat bas ekspres** dipamerkan pada cermin hadapan bas).
- Kelulusan ini hendaklah dipamerkan di dalam bas bagi tujuan pemeriksaan.

(UNTUK KEGUNAAN PEJABAT LPKP)

Tarikh permohonan diterima :

Keputusan permohonan :

Tarikh :

.....
b.p. Pengarah
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan



LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (LPKP)
 ARAS 4, BLOK PODIUM, NO.18, PERSIARAN PERDANA, PUTRAJAYA.



**(LESEN PERUBAHAN SEMENTARA – LPS)
 PERMOHONAN PERTUKARAN SEMENTARA KELAS LESEN
 MUSIM PERAYAAN HARI RAYA ADILFITRI
 (3 SEPTEMBER 2010 HINGGA 19 SEPTEMBER 2010)**

KERAJAAN MALAYSIA

LPKP

Nama dan	:	Nama Pemandu Pertama	:
Alamat Syarikat	:	No. Lesen PSV	:
Bas Ekspres	:	Tempoh Lesen PSV	:
	:		:
	:	Nama Pemandu Kedua	:
Nama Pemohon	:	No. Lesen PSV	:
No. Tel	:	Tempoh Lesen PSV	:

- | | | |
|----------------------------|---|--|
| (1) Tujuan | : | SEWA KHAS MUSIM PERAYAAN |
| (2) (i) Laluan | : | LALUAN TERBUKA |
| (ii) Jarak KM Pergi/Balik | : | |
| (3) Tarikh Perjalanan | : | 3 SEPTEMBER 2010 HINGGA 19 SEPTEMBER 2010 |
| (4) No. Bas | : | |
| | | Usia Bas : |
| (5) Kelas Lesen | : | |
| | | No. Rujukan Lesen : |
| (6) Tarikh Akhir PUSPAKOM | : | |
| | | Tarikh Akhir Insuran : |
| (7) Lokasi Ambil Penumpang | : | |

Tarikh:..... (Tandatangan Pemohon)

Syarat :

- (a) Disertakan salinan Lesen Bas, PUSPAKOM, Insuran, Geran dan Lesen PSV Pemandu Pertama dan Kedua, jika berkaitan.
- (b) Bagi bas yang berusia tidak melebihi 12 tahun tiada jarak perjalanan ditetapkan. Bagi bas yang berusia 12 hingga 15 tahun hanya dibenarkan perjalanan tidak melebihi 300 km sehala.
- (c) Mempunyai cukai jalan dan perlindungan insuran mengikut Bahagian IV 90 dan 91 Akta Pengangkutan Jalan 1987.
- (d) Jika memandu melebihi 300 km sehala atau 4 jam berterusan, diwajibkan ada pemandu kedua dan Buku Log.
- (e) Kelulusan ini hendaklah dipamerkan di dalam bas bagi tujuan pemeriksaan.

(UNTUK KEGUNAAN PEJABAT LPKP)

Tarikh permohonan diterima :

Keputusan permohonan :

Tarikh :

.....
 b.p. Pengarah
 Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan